

03 NOV 1998

Mahathir-Aeroangkasa

AIROD KETUAI KONSORTIUM INDUSTRI AEROANGKASA

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Airod Sdn Bhd akan mengetuai sebuah konsortium syarikat-syarikat yang terbabit dalam industri aeroangkasa.

Beliau berkata konsortium itu akan menggabungkan empat syarikat iaitu Airod, Aerospace Industri Malaysia (AIM), UPECA dan SME Industries.

"Mereka telah bersetuju pada dasarnya, kini persoalannya adalah untuk menilai syarikat masing-masing dan peranan mereka," katanya pada persidangan media selepas penyerahan kelengkapan di hangar Airod, Subang dekat sini hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata penggabungan syarikat yang terbabit dalam industri aeroangkasa itu baik bagi Malaysia agar tidak berlaku pertindihan kemudahan.

"Dengan berbuat demikian, kita juga dapat mengurangkan kos dan membolehkan kita menjadi kompetitif dalam industri yang sangat sofistikated ini," katanya.

Yang turut hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dr Mahathir berkata konsortium itu, antara lain, akan membabitkan diri dalam menghasilkan komponen dan modifikasi pesawat, avionik dan pembaikan dan penyelenggaraan.

Beliau berkata Malaysia baru sahaja menceburi dalam industri aeroangkasa berbanding dengan kebanyakan negara lain.

"Malaysia telah mencapai kemajuan dalam industri aeroangkasa dan kini kita telah mengeksport pesawat dari Malaysia ke Amerika Syarikat. Ini suatu perubahan kerana pada kebiasaannya pesawat diimport dari Amerika Syarikat ke Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata sebuah negara membangun seperti Malaysia kini mampu menghasilkan pesawat yang sesuai dan diterima oleh pasaran yang sangat sofistikated di seluruh dunia, termasuk Amerika Syarikat.

"Hari ini kita diberitahu bahawa satu daripada syarikat pengeluar kita akan mengeksport 250 pesawat satu enjin empat tempat duduk ke Amerika. Mereka akan juga menghasilkan pesawat pelatih untuk eksport dan pesawat-pesawat ini telah dijual dan digunakan dengan banyaknya di Australia," katanya.

Kejayaan itu menunjukkan bahawa jika rakyat Malaysia mempunyai kesungguhan, mereka mampu melakukan banyak perkara yang pada masa lampau dianggap di luar keupayaan mereka.

"Apa yang diperlukan sudah tentunya semangat Malaysia Boleh, kita boleh melakukan apa sahaja dengan syarat kita mempunyai ketekunan dan kita bekerja bersungguh-sungguh, kita tidak jemu mencuba berkali-kali sehingga kita memiliki kemahiran yang diperlukan," katanya.

Dr Mahathir berkata ini adalah sejarah kejayaan Malaysia yang berubah daripada sebuah negara pertanian kepada sebuah negara perindustrian dan hari ini 80 peratus eksportnya terdiri daripada barangan pembuatan yang sangat sofistikated.

Walaupun komoditinya tidak berkurangan daripada segi kepentingannya, tetapi volum dan nilainya terhad, katanya.

Beliau yakin bahawa rakyat Malaysia dapat mengatasi kegawatan ekonomi dan politik yang melanda negara sekarang dengan kesungguhan yang telah mereka tunjukkan dalam membangunkan Malaysia.

Dr Mahathir juga mengucapkan tahniah kepada pengerusi dan presiden Airod Tan Sri Ahmad Johan kerana menerajui syarikat itu sehingga mencapai

kejayaan.

Dr Mahathir dan Syed Hamid sebelum itu menyaksikan majlis penyerahan kelengkapan antara syarikat ShinMaywa dari Jepun dan Airod, dan antara syarikat MacNab dari Amerika Syarikat dan Airod.

Mereka juga menyaksikan penyerahan sijil ISO 9002 kepada Airod oleh biro kualiti antarabangsa dari Perancis, Bureau Veritas Quality International (BVQI), dan permohonan Airod sebagai Unit Simpanan Tentera Udara Diraja Malaysia.

-- BERNAMA

AFY AKD